

Gempa bumi kuat gegar wilayah Aceh

Sinar hari Sinar horizon 10/05/2010

Tsunami tempatan boleh jejas kawasan pantai sepanjang 100 kilometer

MIS N 23

JAKARTA - Amaran tsunami tempatan dikeluarkan selepas gempa bumi kuat 7.4 skala Richter menggegarkan wilayah Aceh di Sumatera, semalam.

"Ancaman tsunami yang mencetuskan kemusnahan besar tidak wujud," kata pejabat Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS).

"Namun, terdapat kemungkinan tsunami tempatan yang boleh menjejaskan kawasan pantai sepanjang 100 kilometer dari pusat gempa," katanya.


Pihak berkuasa Indonesia menyatakan mereka cuba mendapatkan maklumat lanjut mengenai gempa bumi itu.

"Ia mungkin dirasakan dengan kuat tetapi kami tidak tahu sama ada terdapat kematian atau bangunan yang rosak," kata jurucakap pusat pemantauan gempa bumi Indonesia, Subagyo.

Kepulauan Indonesia terletak di kawasan yang dikenali sebagai Lingkaran Api Pasifik dan mudah terdedah kepada ancaman bencana gempa bumi serta gunung berapi.

Tsunami yang melanda pada 2004 menyebabkan 170,000 orang maut di Aceh.

Lebih 1,000 orang dilaporkan maut akibat gempa bumi yang melanda Padang pada September tahun lalu.



● Penduduk Aceh keluar menyelamatkan diri selepas gempa bumi melanda wilayah itu, semalam.